



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSEPSI TERHADAP KEBERKESANAN PEMBELAJARAN AKTIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN EKONOMI ASAS TINGKATAN EMPAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERSEPSI TERHADAP KEBERKESANAN PEMBELAJARAN AKTIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN EKONOMI ASAS TINGKATAN EMPAT

SEOW YEA PYNG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (EKONOMI)

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satu saya jelaskan sumbernya.

28.04.2011

SEOW YEA PYNG
M20082000072



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Ramlee Ismail dari Fakulti Perniagaan dan Ekonomi selaku Penyelia Disertasi Mod B saya. Beliau telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya apabila saya menghadapi kemasukan dalam menyediakan tesis ini. Di samping itu, beliau juga menyemak dan memberikan cadangan bernalas dalam penulisan ilmiah ini. Secara ikhlas, jika tanpa bantuan dan dorongan yang diberikan oleh beliau, adalah mustahil bagi saya menyiapkan tesis ini. Oleh itu, setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada beliau yang telah membimbing saya dengan penuh dedikasi sepanjang kajian ini dijalankan.

Penghargaan juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, KPM, Lembaga Peperiksaan, KPM, Sektor Pengurusan Penilaian & Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Penolong Pengarah PPD Kurikulum (Teknik & Vokasional) di Kinta Utara dan juga Kinta Selatan, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Teja, Gopeng serta Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah yang turut membantu menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Pn. Siti Rosila Bt Haron di SMK Seri Teja, Cik Siow Yeat Chin dan En. Mohd Nasir Bin Abdullah di SMK Toh Indera Wangsa Ahmad atas kerjasama dan sokongan yang diberikan kepada saya dalam menjalankan eksperimen dan soal-selidik kajian.



Akhir sekali, penghargaan dan ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada ayah saya, En. Seow Poh Chuan, ibu saya, Pn. Mah Soot Fong dan suami saya, En. Yeoh Hong Beng atas pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan selama ini. Tidak lupa juga ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan bantuan dan galakan kepada saya apabila diperlukan. Terima Kasih.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan kaedah pembelajaran aktif dalam meningkatkan pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat berbanding dengan kaedah tradisional ‘chalk-and-talk’. Instrumen kajian yang digunakan ialah Ujian Pra dan Ujian Pencapaian, rancangan mengajar harian dan soal selidik. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan reka bentuk eksperimen kuasi. Responden kajian terdiri daripada 64 orang pelajar Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah Daerah Kinta Selatan, Perak. Seramai 34 orang pelajar dari sebuah kelas dijadikan kumpulan rawatan yang mengikuti aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif, sementara 30 orang pelajar dari satu kelas lagi dijadikan kumpulan kawalan yang mengikuti kaedah tradisional ‘chalk-and-talk’. Data dianalisis dengan menggunakan teknik Analisis Kovarians (ANCOVA) dan Ujian-T Sampel Berpasangan. Hasil ANCOVA menunjukkan terdapat kesan kaedah pembelajaran aktif yang signifikan terhadap pencapaian akademik pelajar berbanding dengan kaedah pengajaran tradisional ‘chalk-and-talk’ bagi mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Manakala hasil analisis Ujian-T Sampel Berpasangan menunjukkan bahawa terdapat peningkatan minat dan motivasi para pelajar yang signifikan selepas mereka mengikuti aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif dalam kelas Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Namun begitu, tiada peningkatan interaksi sosial di kalangan pelajar yang signifikan selepas mereka mengikuti aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif. Implikasi dapatan kajian ini mencadangkan bahawa pihak guru, pentadbir sekolah dan KPM wajar menggalakkan dan memperluaskan pengaplikasian kaedah pembelajaran aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat untuk meningkatkan lagi pencapaian akademik, minat dan motivasi pelajar terbabit.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

ABSTRACT

This research is conducted to evaluate the effectiveness of active learning techniques in enhancing academic performance, interest, motivation and social interaction among students for the subject of Form Four Basic Economics compared to traditional ‘chalk-and-talk’ technique. Research instruments used are pre-tests, performance tests, daily teaching plans and questionnaires. This research is implemented using quasi experiment design. Research respondents consist of 64 Form-Four students from a secondary school in Kinta Selatan district of Perak. A class of 34 students becomes the treatment group which is taught using active learning techniques. The other class of 30 students becomes the control group which is taught using traditional ‘chalk-and-talk’ technique. The data collected is analyzed using Analysis of Covariance (ANCOVA) and Paired Sample T tests. The result of ANCOVA shows that there is a significant effect of active learning techniques on the academic performance of the students compared to traditional ‘chalk-and-talk’ technique for the subject of Form-Four Basic Economics. Besides, the Paired Sample T tests shows that there is a significant increase of students’ learning interest and motivation after the students are taught using active-learning techniques in the Form Four Basic Economics class. However, there is no significant increase of social interaction among the students after they participate in the active learning activities. The findings of this research imply that the school teachers, school administrators and Ministry of Education should encourage and extend the usage of active learning techniques in the process of teaching and learning for the subject of Four-Four Basic Economics to further enhance students’ academic performance, learning interest and motivation.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



Pustaka Bainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN



1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Tujuan dan Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Hipotesis Nol	11
1.7 Kerangka Kerja Konseptual	11
1.8 Keperluan Kajian	14
1.9 Definisi Operasional	17
1.9.1 Pengajaran dan Pembelajaran Ekonomi Asas	17
1.9.2 Pembelajaran Aktif	18
1.9.3 Pembelajaran Tradisional	18
1.9.4 Keberkesanan dalam P&P	19





1.9.5	Pencapaian Akademik	20
1.9.6	Minat	21
1.9.7	Motivasi	21
1.9.8	Interaksi Sosial	22
1.10	Kesimpulan	22

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Pembelajaran Aktif	25
2.3	Teori Pembelajaran yang Menyokong Pembelajaran Aktif	29
2.4	Teknik-teknik Pembelajaran Aktif	32
2.4.1	Perbincangan	33
2.4.2	Simulasi	34
2.4.3	Sumbangsaran	36
2.4.4	Kajian Kes	37
2.4.5	Lawatan	39
2.5	Kajian-kajian Lepas yang Berkaitan	40
2.5.1	Perkembangan Pembelajaran Aktif dalam Pendidikan	40
2.5.2	Pembelajaran Aktif dalam Mata Pelajaran Ekonomi	43
2.5.3	Pembelajaran Aktif dengan Pencapaian Akademik Pelajar	45
2.5.4	Pembelajaran Aktif dengan Minat	48
2.5.5	Pembelajaran Aktif dengan Motivasi	51
2.5.6	Pembelajaran Aktif dengan Interaksi Sosial	52
2.5.7	Pembelajaran Aktif dan Kos Lepas	53





2.6	Kesimpulan	56
-----	------------	----

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	57
3.2	Reka Bentuk Kajian	58
3.3	Responden Kajian	63
3.4	Instrumentasi	64
	3.4.1 Ujian Pra dan Ujian Pencapaian	64
	3.4.2 Soal Selidik	66
3.5	Kajian Rintis	68
3.6	Prosedur Kajian	70
	3.6.1 Kebenaran	70
	3.6.2 Pengumpulan Data	72
	Kuan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
	3.6.3 Pembelajaran Aktif	73
	3.6.4 Pembelajaran Tradisional	76
	3.6.5 Perbandingan Kaedah Pembelajaran Aktif dengan Pembelajaran Tradisional	78
3.7	Prosedur Analisis Data	79
3.8	Batasan Kajian	80
3.9	Kesimpulan	81

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	82
4.2	Latar Belakang Responden Kajian	83
	4.2.1 Jantina	85
	4.2.2 Bangsa	85





4.2.3	Taraf Pelajaran Bapa / Penjaga	86
4.2.4	Pekerjaan Bapa / Penjaga	86
4.2.5	Jumlah Pendapatan Bulanan Isi Rumah	87
4.2.6	Sebab Utama Mengambil Mata Pelajaran Ekonomi Asas	87
4.2.7	Mengambil Tuisyen Di Luar Sekolah bagi Mata Pelajaran Ekonomi Asas	88
4.2.8	Keputusan Mata Pelajaran Matematik dan Kemahiran Hidup PMR	89
4.2.9	Rumusan Latar Belakang Responden Kajian	91
4.3	Analisis Pencapaian Ujian antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan dengan Menggunakan Teknik Kovarians (<i>ANCOVA</i>)	91
4.3.1	Perbandingan Pembelajaran Aktif dengan Pembelajaran Tradisional terhadap Pencapaian Akademik Pelajar	92
4.3.2	Analisis Data Eksperimen	94
4.4	Analisis Soal Selidik Kumpulan Rawatan	97
4.4.1	Analisis Ujian T Sampel Berpasangan dalam Peningkatan Minat Pelajar Selepas Pembelajaran Aktif	98
4.4.2	Analisis Ujian T Sampel Berpasangan dalam Peningkatan Motivasi Pelajar Selepas Pembelajaran Aktif	100
4.4.3	Analisis Ujian T Sampel Berpasangan dalam Peningkatan Interaksi Sosial Pelajar Selepas Pembelajaran Aktif	101
4.5	Rumusan Pengujian Hipotesis	102
4.6	Kesimpulan	103



**BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	104
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	105
5.2.1	Pembelajaran Aktif dan Pencapaian Akademik Pelajar	105
5.2.2	Pembelajaran Aktif dan Minat Pelajar	109
5.2.3	Pembelajaran Aktif dan Motivasi Pelajar	112
5.2.4	Pembelajaran Aktif dan Interaksi Sosial Pelajar	113
5.3	Implikasi Pembelajaran Aktif dalam P&P Mata Pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat	115
5.4	Cadangan untuk Melaksanakan Pembelajaran Aktif dalam P&P Mata Pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat	118
5.4.1	Cadangan untuk Pelajar	118
5.4.2	Cadangan untuk Guru	119
5.4.3	Cadangan untuk Sekolah	120
5.4.4	Cadangan untuk KPM	121
5.5	Kajian Lanjutan	123
5.6	Kesimpulan	124
	RUJUKAN	126

LAMPIRAN

A1	Jadual 1.2: Peratus Kelulusan Ekonomi Asas SPM Peringkat Nasional Tahun 2000-2009	137
A2	Jadual 1.3: Peratus Kelulusan Perdagangan SPM Peringkat Nasional Tahun 2000-2009	138
A3	Jadual 1.4: Peratus Kelulusan Prinsip Perakaunan SPM Peringkat Nasional Tahun 2000-2009	139
A4	Jadual 1.5: Perbandingan Gred Baru Dengan Gred Lama	140





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

B1	Borang Soal Selidik	141
C1	Ujian Pencapaian Topik 1	146
C2	Ujian Pencapaian Topik 2	149
D1	Rancangan Mengajar Harian Topik 1	152
D2	Rancangan Mengajar Harian Topik 2	159
E1	Panduan dan Jawapan untuk Guru: Topik 1	167
E2	Panduan dan Jawapan untuk Guru: Topik 2	171
F1	Surat Kebenaran Kementerian Pelajaran Malaysia	177
F2	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Perak	178
F3	Surat Permohonan Mengguna Data Analisis Keputusan Peperiksaan Sekolah Menengah di Daerah Kinta Selatan, Perak	179



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
Jadual 1.1 Min Peratus Kelulusan Ekonomi Asas, Perdagangan dan Prinsip Perakaunan SPM Peringkat Nasional (Tahun 2000–2009)	6
Jadual 1.2 Peratus Kelulusan Ekonomi Asas SPM Peringkat Nasional Tahun 2000-2009	137
Jadual 1.3 Peratus Kelulusan Perdagangan SPM Peringkat Nasional Tahun 2000-2009	138
Jadual 1.4 Peratus Kelulusan Prinsip Perakauanan SPM Peringkat Nasional Tahun 2000-2009	139
Jadual 1.5 Perbandingan Gred Baru dengan Gred Lama	140
Jadual 3.1 Aktiviti-aktiviti Pembelajaran Aktif Berdasarkan Topik Pelajaran	74
Jadual 4.1 Profil Latar Belakang Responden Kajian	84
Jadual 4.2 Pencapaian Keputusan Responden Kajian dalam Mata Pelajaran Matematik dan Kemahiran Hidup PMR	89
Jadual 4.3 Min dan Sisihan Piawai Ujian Pencapaian Topik 1 Mengikut Kumpulan	94
Jadual 4.4 Min dan Sisihan Piawai Ujian Pencapaian Topik 2 Mengikut Kumpulan	94
Jadual 4.5 ANCOVA bagi Pencapaian Prestasi Pelajar dengan Ujian Pra sebagai Kovariat Mengikut Kumpulan (Topik 1)	95
Jadual 4.6 ANCOVA bagi Pencapaian Prestasi Pelajar dengan Ujian Pra sebagai Kovariat Mengikut Kumpulan (Topik 2)	96
Jadual 4.7 Min dan Sisihan Piawai	98
Jadual 4.8 Ujian T Sampel Berpasangan	98
Jadual 4.9 Rumusan Pengujian Hipotesis	102





SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
Rajah 1.1 Kerangka Kerja Konseptual	13
Rajah 3.1 Pelan Tindakan Kajian	61
Rajah 3.2 Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Tidak Setara	62
Rajah 3.3 Kitaran Aktiviti Pembelajaran Aktif dalam Kumpulan Rawatan	76
Rajah 3.4 Kitaran Aktiviti Pembelajaran Tradisional dalam Kumpulan Kawalan	77
Rajah 3.5 Perbandingan Kaedah Pembelajaran Aktif dengan Pembelajaran Tradisional	78





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SENARAI SINGKATAN

ANCOVA	Analisis Kovarians (Analysis of Covariance)
BBM	Bahan Bantu Mengajar
KBBK	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Ilmu ekonomi adalah penting bagi setiap individu tanpa mengira apa jua bidang yang diceburinya. Ekonomi merupakan salah satu bidang sains sosial yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan harian kita, seperti politik, sosial dan budaya. Contohnya, kepakaran seorang doktor adalah merawat pesakit, namun beliau tidak dapat mengasingkan kehidupan hariannya daripada dipengaruhi ekonomi negaranya. Sekiranya ekonomi negara tersebut berkembang pesat dan mencatat pendapatan per kapita yang tinggi, maka ini semestinya membawa kesan positif terhadap pendapatan seseorang doktor akibat daripada peningkatan kuasa beli dan taraf hidup rakyat negara berkenaan. Sebaliknya, jika ekonomi sesebuah negara meleset, maka pendapatan seseorang doktor akan terjejas kerana pengguna secara umumnya mempunyai



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



pendapatan boleh guna yang rendah dan akan mencari alternatif yang lain seperti pergi ke hospital kerajaan untuk menjimatkan kos perubatan mereka. Ilmu ekonomi membantu kita sebagai unit ekonomi, sama ada isi rumah, firma ataupun kerajaan, dalam membuat keputusan secara optimum dalam kehidupan harian kita. Dengan mempelajari ilmu ekonomi, seseorang dapat membuat keputusan dengan rasional, efektif dan bijak.

1.2 Latar Belakang Kajian

Mata pelajaran Ekonomi Asas merupakan mata pelajaran yang penting dan berkaitan dengan alam pekerjaan. Contohnya, pendidikan ekonomi secara formal membolehkan seseorang memahami konsep dan teori ekonomi dengan baik, seperti konsep permintaan, penawaran, kos pengeluaran, teori pasaran, belanjawan negara, perdagangan antarabangsa dan pertukaran asing. Dengan mempelajari ilmu ekonomi tersebut, seseorang berpeluang mendapat pekerjaan dalam sektor kewangan, jualan dan pemasaran, pengurusan, import eksport dan juga keusahawanan. Di samping itu, modal insan yang dilengkapi dengan pengetahuan ekonomi dan kemahiran dapat memenuhi keperluan negara selaras dengan usaha kerajaan mengaplikasikan kegiatan ekonomi berdasarkan pengetahuan (*knowledge based economy*). Dalam konteks k-ekonomi, pembangunan organisasi dan masyarakat amat memerlukan pembabitan k-pekerja (*knowledge workers*) iaitu modal insan yang produktif, kompetitif dan kreatif. Maka, modal insan yang cemerlang memainkan peranan yang penting ke arah membantu pencapaian misi nasional dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020 (Institut Tadbiran Awam Negara, 2003).





Sehubungan itu, kepentingan mata pelajaran Ekonomi Asas telah diakui oleh pihak kerajaan (Chee, 1996). Ini boleh dilihat dengan kewujudan bidang pengajian ekonomi di peringkat universiti di negara kita. Terdapat banyak institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Sarawak Malaysia dan universiti-universiti yang lain telah menawarkan pengajian ekonomi dengan pelbagai pengkhususan, contohnya pengkhususan ekonomi perniagaan dan perdagangan antarabangsa, ekonomi sumber manusia, ekonomi Islam dan sebagainya (Mohd Yahya, 2001).

Selain itu, menurut Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), elemen pendidikan ekonomi telah dimasukkan dalam kurikulum sekolah rendah bagi murid darjah empat, lima dan enam melalui mata pelajaran Kajian Tempatan yang telah diperkenalkan sejak tahun 2001 (KPM, 2001). Ini menunjukkan bahawa kepentingan pendidikan ekonomi tidak pernah diketepikan, sebaliknya semakin mendapat perhatian daripada KPM. Sesungguhnya, mata pelajaran Ekonomi telah lama diperkenalkan dalam sistem persekolahan negara kita. Mata pelajaran Ekonomi Tingkatan Enam dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) telah diperkenalkan sejak tahun 1958. Kemudian mata pelajaran Ekonomi Tingkatan Enam telah menggunakan Bahasa Melayu pada tahun 1963 (Mohamad Zakaria, 1997). Seterusnya, kurikulum mata pelajaran Ekonomi Asas diperkenalkan pada tahun 1991 di bawah rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Dalam rancangan KBSM, mata pelajaran Ekonomi Asas ditawarkan kepada pelajar Tingkatan Empat dan Lima sebagai salah satu mata pelajaran elektif dalam





bidang Teknik dan Vokasional. Mengikut Buku Panduan Mata Pelajaran Elektif Sekolah Menengah KPM (1991), pelajar-pelajar Tingkatan Empat dan Lima diberi kebebasan untuk memilih dua hingga lima mata pelajaran elektif daripada empat kumpulan mata pelajaran elektif yang ditawarkan. Mata pelajaran elektif yang ditawarkan dalam kumpulan Teknik dan Vokasional tersebut termasuk Prinsip Perakaunan, Ekonomi Asas, Perdagangan dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa mata pelajaran Ekonomi Asas hanya diambil oleh sebilangan pelajar yang tertentu, tertakluk kepada keadaan di mana sekolah tersebut ada menawarkan mata pelajaran Ekonomi Asas.

Kurikulum Ekonomi Asas digubal dengan tujuan memberi pelajar pemahaman yang teguh mengenai prinsip-prinsip asas ekonomi bagi membantu pelajar memahami isu-isu ekonomi dalam dunia moden serta membuat keputusan yang akan membentuk masa depan negara. Melalui mata pelajaran ini, pelajar dapat memahami masalah yang berpuncu daripada sumber terhad dan membuat pilihan yang rasional tentang penggunaannya. Pemahaman ekonomi juga dapat membantu individu memainkan peranan sebagai pengguna dan pengeluar yang bertanggungjawab dalam masyarakat. Selain itu, pelajar juga belajar dan memahami fungsi dan peranan bank-bank dan institusi-institusi kewangan, masalah-masalah ekonomi Malaysia serta perdagangan antarabangsa. Justeru itu, para pelajar dapat memainkan peranan yang berkesan dan bermakna dalam kehidupan seharian mereka. Nilai-nilai murni seperti berjimat cermat dalam penggunaan sumber, rasional, bekerjasama dan berdikari juga dipupuk melalui mata pelajaran ini. Secara keseluruhannya, sukanan pelajaran Ekonomi Asas dirancang dan digubal untuk menyumbang ke arah pembinaan insan yang baik,





seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2000).

Memandangkan isi kandungan mata pelajaran Ekonomi Asas ini mempunyai hubungan dan kaitan yang langsung dengan kehidupan seharian kita, maka pengajaran yang hanya berpusatkan penguasaan fakta dan isi kandungan adalah tidak sesuai untuk mencapai matlamat dan falsafah mata pelajaran Ekonomi Asas. Biasanya guru Ekonomi Asas di kebanyakan sekolah lebih cenderung menggunakan kaedah tradisional seperti kaedah kuliah (*chalk and talk*), menyalin nota dan menekankan aktiviti hafalan. Ini menyebabkan pelajar kurang bermotivasi dan berasa bosan untuk mempelajari mata pelajaran tersebut.



Oleh itu, KPM telah mencadangkan bahawa kaedah P&P Ekonomi Asas sepatutnya dilaksanakan dengan menggunakan pedagogi yang berpusatkan pelajar supaya pembelajaran aktif sentiasa berlaku. Pembelajaran aktif perlu lebih banyak diamalkan oleh guru di dalam kelas supaya menjadikan proses P&P lebih menyeronokkan. Maka, KPM telah menghasilkan sebuah modul “Amalan Terbaik Pembelajaran Aktif dalam Ekonomi Asas” untuk membantu guru melaksanakan pembelajaran aktif dalam kelas (KPM, 2005). Sejauh manakah pembelajaran aktif yang ditekankan oleh KPM itu adalah berkesan untuk mempertingkatkan pencapaian akademik, minat, motivasi serta interaksi sosial pelajar dalam mata pelajaran tersebut? Persoalan inilah yang ingin dijawab dalam penyelidikan ini.





1.3 Pernyataan Masalah

Pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas adalah kurang membanggakan jika dibandingkan dengan mata pelajaran elektif yang lain dalam kumpulan mata pelajaran elektif yang sama, iaitu mata pelajaran Perdagangan dan Prinsip Perakaunan. Perkara ini dapat diperlihatkan dengan jelas oleh min peratus kelulusan peringkat nasional bagi ketiga-tiga mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selama sepuluh tahun, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1
Min Peratus Kelulusan Ekonomi Asas, Perdagangan dan
Prinsip Perakaunan SPM Peringkat Nasional (Tahun 2000–2009)

Mata pelajaran	Min Peratus Kelulusan (%) Peringkat Nasional Dalam Peperiksaan SPM (2000–2009)
Ekonomi Asas	63.00
Perdagangan	68.91
Prinsip Perakaunan	76.18

Sumber: KPM (2010)



Berdasarkan analisis pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas, Perdagangan dan Prinsip Perakaunan dalam peperiksaan SPM tahun 2000–2009 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2, Jadual 1.3 dan Jadual 1.4 (dalam Lampiran A1–A3), min peratus kelulusan peringkat nasional bagi Ekonomi Asas adalah paling rendah, iaitu hanya 63% berbanding dengan Perdagangan (68.91%) dan Prinsip Perakaunan (76.18%).

Selain itu, pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas dalam peperiksaan SPM

bukan sahaja rendah dari segi peratus kelulusan, tetapi juga dari segi kualiti





pencapaian gred kelulusan pelajar. Berdasarkan analisis peratus kelulusan Ekonomi Asas SPM peringkat nasional yang ditunjukkan dalam Jadual 1.2 (dalam Lampiran A1), peratus pelajar yang memperolehi keputusan gred cemerlang (1A dan 2A) adalah amat rendah, manakala kebanyakan pelajar hanya lulus mata pelajaran Ekonomi Asas dengan memperolehi keputusan gred lulus (7D dan 8E). Dalam erti kata lain, ramai pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas dalam peperiksaan SPM gagal dalam mata pelajaran tersebut. Ini bukan sahaja menjelaskan prestasi keputusan calon secara individu, tetapi juga menjelaskan prestasi pencapaian sekolah secara keseluruhan dalam peperiksaan SPM. Kesannya, bilangan calon SPM yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas bagi tahun 2000 hingga tahun 2009 semakin berkurangan. Fenomena ini akan berterusan sekiranya pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas masih pada tahap yang tidak memuaskan.



Kelemahan pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas sering dikaitkan dengan pelbagai masalah, seperti pelajar yang lemah dalam pencapaian akademik, pelajar yang lemah dalam penguasaan kemahiran pengiraan, persepsi pelajar yang negatif terhadap mata pelajaran ini, kaedah pengajaran yang tidak menarik, waktu pengajaran yang tidak mencukupi dan lain-lain. Contohnya, salah satu faktor yang menyebabkan kelemahan mata pelajaran Ekonomi Asas adalah disebabkan mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran elektif kepada pelajar yang lemah dalam pencapaian akademik di kebanyakan sekolah kita (Roziah, 2007). Kenyataan ini disokong oleh Ramlee (2003) yang mendapati bahawa prestasi seseorang pelajar dalam kursus Ekonomi pada tahun pertama di UPSI adalah dipengaruhi oleh tahap penguasaan mereka dalam Matematik. Selain itu, kajian di luar negara juga menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara pencapaian dalam Matematik terhadap





pencapaian pelajar dalam subjek Ekonomi di peringkat yang lebih tinggi, seperti di peringkat universiti (Raymond, Raymond & McCrickard, 2008). Satu lagi faktor yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas adalah persepsi pelajar yang negatif terhadap mata pelajaran tersebut (Md. Yusof, 1998). Kajiannya menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai persepsi yang negatif terhadap isi kandungan bahan pengajaran Ekonomi Asas dan kaedah pengajaran guru. Motivasi pelajar juga adalah rendah. Pelajar berasa bosan dan susah untuk memahami konsep-konsep ekonomi yang abstrak dengan kaedah pengajaran guru yang berbentuk kuliah di bilik darjah (Becker & Watts, 2001; Shahril Marzuki, Quek & Chang, 1994). Sehubungan itu, satu kajian perlu dilakukan untuk menilai keberkesanan pembelajaran aktif dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar.



Dalam konteks kajian ini, fokus kajian hanya ditumpukan kepada P&P mata pelajaran Ekonomi Asas. Kajian-kajian lepas yang dibuat menunjukkan bahawa P&P mata pelajaran Ekonomi Asas biasanya dilaksanakan dalam kaedah yang berpusatkan guru sahaja ataupun kaedah kuliah (Becker & Watts, 2001; Roziah 2007). Kebarangkalian guru-guru ekonomi menggunakan kaedah pengajaran yang lain adalah jauh lebih rendah berbanding dengan guru-guru bidang lain (Becker, 1998).

Memang tidak dinafikan bahawa P&P yang dikendalikan oleh guru di bilik darjah memainkan peranan penting untuk mengatasi kelemahan pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas kerana guru adalah pengajar kurikulum sebenarnya (Crandall, 1983). Menurut KPM (2001), kualiti P&P pendidikan menengah umumnya bergantung kepada corak pembelajaran dalam bilik darjah. Oleh itu, Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM telah mencadangkan pembelajaran aktif dalam mata





pelajaran Ekonomi Asas untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi pencapaian akademik pelajar. Justeru itu, satu modul pembelajaran aktif dalam Ekonomi Asas, yang berjudul “Amalan Terbaik Pembelajaran Aktif Dalam Ekonomi Asas” telah diterbitkan untuk menggalakkan guru-guru Ekonomi Asas mengamalkan pembelajaran aktif. Pembelajaran aktif merupakan satu strategi pembelajaran yang berkesan kerana aktiviti-aktivitinya yang berpusatkan pelajar mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam mata pelajaran tersebut, meningkatkan pemahaman, minat, motivasi dan juga interaksi sosial pelajar sepanjang proses P&P (KPM, 2005). Adakah pembelajaran aktif dapat meningkatkan pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar jika ia dilaksanakan oleh guru Ekonomi Asas di sekolah? Suatu kajian perlu dibuat untuk menyelidik keberkesanannya pembelajaran aktif dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat dengan berpandukan kepada penggunaan modul tersebut.



1.4 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanannya pembelajaran aktif dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah Daerah Kinta Selatan, Perak. Keberkesanannya pembelajaran aktif dikaji dari segi kemampuan kaedah ini untuk meningkatkan pencapaian akademik, minat, motivasi dan juga interaksi sosial pelajar dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Terdapat empat objektif kajian yang dibentuk secara lebih khusus dalam penyelidikan yang dijalankan iaitu untuk:





- i. mengenal pasti sama ada pembelajaran aktif dapat mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat.
- ii. mengenal pasti sama ada pembelajaran aktif berkesan untuk meningkatkan minat pelajar dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat.
- iii. mengenal pasti sama ada pembelajaran aktif berkesan untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat.
- iv. mengenal pasti sama ada pembelajaran aktif berkesan untuk meningkatkan interaksi sosial pelajar dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat.



1.5 Persoalan Kajian



Tujuan kajian adalah untuk menyelidik keberkesanan pembelajaran aktif dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Maka kajian yang dicadangkan ini akan menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Adakah pembelajaran aktif dapat mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat?
- ii. Adakah pembelajaran aktif berkesan untuk meningkatkan minat pelajar dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat?
- iii. Adakah pembelajaran aktif berkesan untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat?
- iv. Adakah pembelajaran aktif berkesan untuk meningkatkan interaksi sosial pelajar dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat?





1.6 Hipotesis Nol

Hipotesis-hipotesis nol ini ialah:

- i. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kesan kaedah pembelajaran aktif dan kaedah pembelajaran tradisional terhadap pencapaian akademik pelajar.
- ii. Tidak terdapat peningkatan minat pelajar yang signifikan terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat selepas mengikuti kaedah pembelajaran aktif.
- iii. Tidak terdapat peningkatan motivasi pelajar yang signifikan terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat selepas mengikuti kaedah pembelajaran aktif.
- iv. Tidak terdapat peningkatan interaksi sosial pelajar yang signifikan terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat selepas mengikuti kaedah pembelajaran aktif.



1.7 Kerangka Kerja Konseptual

Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji keberkesanan pembelajaran aktif dalam proses P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Keberkesanan pembelajaran aktif dalam kajian ini diukur melalui peningkatan pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar selepas mengikuti pembelajaran aktif. Model Pengajaran 3-P yang diperkenalkan oleh Biggs (1978) digunakan sebagai kerangka kerja konseptual kajian. Model Pengajaran 3-P tersebut terbahagi kepada tiga fasa yang utama iaitu tanda (*Presage*), proses (*Process*) dan hasil (*Product*). Untuk






menyelaraskan fasa-fasa tersebut agar dapat bersesuaian dengan konteks kajian ini, maka terminologi pra kajian (tanda), proses P&P (proses) dan keberkesanan pembelajaran aktif (hasil) digunakan dalam kajian.

Dalam kerangka kerja konseptual ini, pra kajian merujuk kepada aspek-aspek pelajar sebelum mengikuti pembelajaran aktif, iaitu pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Manakala, fasa kedua iaitu proses P&P merujuk aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif yang dijalankan dalam kelas Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Dalam konteks kajian ini, terdapat lima kaedah pembelajaran aktif yang digunakan dalam kelas pembelajaran aktif iaitu perbincangan, simulasi, sumbangsaran, kajian kes dan lawatan dalam kawasan sekolah. Bahan dan alatan yang disediakan untuk aktiviti-aktiviti pembelajaran dapat membantu meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar (Biggs & Moore, 1993). Seterusnya, fasa yang ketiga merujuk kepada keberkesanan pembelajaran aktif, iaitu pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar selepas mengikuti pembelajaran aktif.

Dalam konteks Model 3-P, kerangka kerja konseptual yang diketengahkan menerangkan keberkesanan pembelajaran aktif terhadap pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Dalam erti kata lain, model Biggs ini adalah sesuai digunakan untuk mengenal pasti aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif dalam kelas Ekonomi yang dapat memberi kesan kepada hasil pembelajaran melalui peningkatan pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Model ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1
Kerangka Kerja Konseptual: Keberkesanan Pembelajaran Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat



Berdasarkan Rajah 1.1 yang ditunjukkan di atas, kajian ini bertujuan untuk

mengenal pasti keberkesanan pembelajaran aktif dalam proses P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Dalam kajian ini, keberkesanan pembelajaran aktif diukur melalui aspek pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar. Aspek-aspek tersebut diselidik dalam fasa pra kajian. Kemudian, aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif seperti perbincangan, simulasi, sumbangsaran, kajian kes dan lawatan dalam kawasan sekolah dijalankan untuk mengajar mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Akhir sekali, keberkesanan pembelajaran aktif yang dikaji, iaitu sama ada aktiviti-aktiviti pembelajaran aktif yang dijalankan berkesan untuk meningkatkan pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat.



1.8 Keperluan Kajian

Daripada pemerhatian yang dilakukan, ramai guru masih berpegang kepada strategi pengajaran tradisional dan kurang menghayati pedagogi yang lain dalam mata pelajaran Ekonomi Asas di sekolah. Biasanya, guru Ekonomi Asas lebih cenderung menggunakan kaedah pengajaran ‘*chalk and talk*’ atau kaedah kuliah (Becker & Watts, 2001). Kaedah tersebut hanya berpusatkan guru dan berasaskan penggunaan buku teks. Maka, pengajaran guru adalah lebih banyak memberi fokus kepada penerangan teori dan latihan tubi. Ini menyebabkan pelajar menjadi pasif, bosan dan tidak bermotivasi dalam mata pelajaran Ekonomi Asas. Suasana dalam kelas juga tidak menceriakan dan kurang berlakunya interaksi antara guru dengan pelajar. Oleh itu, kajian ini bertujuan menyelidik pembelajaran aktif sebagai salah satu strategi pembelajaran alternatif dalam P&P Ekonomi Asas Tingkatan Empat.



Dapatan kajian ini penting kerana dapat memanfaatkan beberapa pihak yang terlibat secara langsung dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas, iaitu pelajar, guru-guru, panitia, pihak pengurusan sekolah dan juga KPM. Kajian ini dapat membantu pelajar-pelajar dalam mengikuti, memahami dan menguasai mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat secara berkesan dan seronok. Chickering dan Gamson (1987) mencadangkan bahawa pelajar perlu melakukan lebih banyak aktiviti daripada hanya mendengar dalam proses pembelajaran. Pelajar-pelajar perlu membaca, menulis, membincang dan melibatkan diri dalam penyelesaian masalah secara aktif. Apa yang penting sekali ialah pelajar mesti terlibat dalam tugas yang mengandungi kemahiran berfikir yang tinggi, seperti analisis, sintesis dan penilaian. Dalam konteks tersebut, pembelajaran aktif adalah satu strategi pembelajaran yang amat sesuai kerana ia





membolehkan pelajar terlibat dalam sesuatu aktiviti secara aktif dan menggunakan kemahiran berfikir mereka dalam aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Selain itu, pembelajaran aktif adalah diperlukan dalam proses P&P Ekonomi Asas Tingkatan Empat untuk meningkatkan minat dan motivasi pelajar dalam suasana pembelajaran yang kondusif dan seronok di bilik darjah. Kesannya pelajar dapat menguasai pengetahuan ekonomi melalui pengalaman dan pembelajaran berasaskan konstruktivisme. Ini seterusnya akan membantu pelajar-pelajar mempertingkatkan pencapaian akademik mereka dalam mata pelajaran Ekonomi Asas.

Guru-guru dan panitia Ekonomi Asas boleh menggunakan dapatan kajian ini untuk membantu pelajar-pelajar Tingkatan Empat menerokai dan menguasai ilmu ekonomi dengan lebih berkesan melalui pembelajaran aktif dalam kelas. Ini seterusnya dapat mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan sekolah dan seterusnya dalam peperiksaan SPM pada Tingkatan Lima nanti. Pembelajaran aktif dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran di kalangan pelajar yang mempunyai pelbagai latarbelakang. Contohnya, pembelajaran aktif dapat membantu pelajar pelbagai tahap kebolehan untuk belajar dengan berkesan. Ini seterusnya dapat membantu guru untuk meningkatkan minat dan motivasi pelajar dalam proses P&P.

Pihak sekolah juga memperolehi kebaikan daripada dapatan kajian ini kerana pelbagai masalah disiplin pelajar-pelajar Tingkatan Empat dapat dikurangkan secara tidak langsung melalui pembelajaran aktif dalam proses P&P harian di dalam bilik darjah. Hal ini demikian kerana pelajar memperolehi keseronokan dan kepuasan melalui pelbagai aktiviti pembelajaran aktif seperti simulasi dan main peranan. Maka





masalah disiplin pelajar yang berpunca daripada kebosanan belajar dalam kelas dapat dikurangkan. Walaupun kelas yang mengaplikasikan pembelajaran aktif kadangkala adalah lebih bising daripada kelas yang menggunakan kaedah kuliah, namun kebisingan tersebut adalah kesan sampingan yang positif jika dibandingkan dengan kebisingan yang berpunca daripada masalah disiplin pelajar. Selain itu, pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas dalam peperiksaan SPM juga dapat mengharumkan nama baik sekolah dan memotivasi semangat pelajar untuk terus berusaha lagi dalam pembelajaran mereka. Dapatkan kajian ini juga diharapkan dapat diperaktikkan dalam mata pelajaran yang lain untuk mempertingkatkan prestasi keputusan akademik pelajar secara keseluruhannya.



Dapatkan kajian ini juga membantu pihak KPM untuk meninjau keberkesanan pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat, khususnya dari segi kemampuan kaedah ini untuk meningkatkan pencapaian akademik, minat, motivasi dan interaksi pelajar. Dapatkan kajian ini diperolehi berdasarkan kajian yang berbentuk eksperimen kuasi dan soal selidik berdasarkan persepsi pelajar-pelajar Tingkatan Empat. Maka, dapatkan kajian ini dapat menggambarkan refleksi yang berguna kepada pihak KPM terhadap keberkesanan pembelajaran aktif. Ini seterusnya dapat membantu KPM menambahbaikkan modul pembelajaran aktif yang diterbitkan pada masa depan, khususnya modul pembelajaran aktif untuk mata pelajaran Ekonomi Asas.





1.9 Definisi Operasional

Definisi operasional merujuk kepada istilah-istilah yang digunakan oleh penyelidik di dalam konteks kajian ini.

1.9.1 Pengajaran dan Pembelajaran Ekonomi Asas

Pengajaran merupakan kegiatan-kegiatan yang tersusun yang dibuat khusus untuk pelajar-pelajar dengan tujuan membawa perubahan ke dalam diri mereka (Asmah, 1989). Matlamat sesuatu pengajaran mata pelajaran adalah menyampaikan isi pelajaran yang berkenaan secara berkesan dengan menggunakan pelbagai strategi atau kaedah demi mencapai hasil-hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Manakala, pembelajaran digambarkan sebagai satu proses pelajar belajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dengan mengikuti pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh guru di dalam bilik darjah. Pembelajaran dan pemerolehan kemahiran adalah alat-alat yang paling utama untuk membantu kita mencapai matlamat individu dan organisasi. Pembelajaran diakui sebagai salah satu pembangunan ekonomi yang teras atau utama di negara Eropah (Lundwall, 2000; Oliver, 1999; White Paper on Education & Training, 1995). Kualiti bagi sesuatu pembelajaran adalah bergantung kepada kemampuan seseorang pelajar untuk memandu pembelajaran kendiri, memperkembangkan kemahiran menanya, keupayaan untuk membuat refleksi dan mengawal proses pembelajaran kendiri (Niemi, 2002). Dalam konteks kajian ini, proses P&P mata pelajaran Ekonomi Asas yang dimaksudkan ialah usaha pelajar untuk memperolehi ilmu pengetahuan dan juga kemahiran yang disampaikan oleh





guru Ekonomi Asas Tingkatan Empat melalui strategi-strategi pembelajaran yang berlainan seperti pembelajaran aktif dan pembelajaran tradisional.

1.9.2. Pembelajaran Aktif

Pembelajaran aktif merupakan salah satu pendekatan pedagogi atau strategi pembelajaran yang dirancang dengan pelbagai aktiviti yang menarik yang dapat merangsangkan minat pelajar dan membabitkan penyertaan pelajar secara langsung, di samping mampu menterjemahkan isi pelajaran dan konsep-konsep secara jelas dan berkesan kepada pelajar. Dalam pembelajaran aktif, seseorang individu mempunyai inisiatif dan tanggungjawab terhadap proses pembelajaran sendiri (Niemi, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi
Pelbagai strategi pembelajaran aktif dapat diaplikasikan dalam P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat, seperti pembelajaran koperatif, sumbangsaran, permainan, simulasi, main peranan, perbincangan, penyelesaian masalah, kajian kes, lawatan dan lain-lain. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran aktif merujuk kepada pelbagai aktiviti yang dicadangkan dalam modul pembelajaran aktif yang berjudul “Amalan Terbaik Pembelajaran Aktif Dalam Ekonomi Asas”, terbitan daripada Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM pada tahun 2005.

1.9.3 Pembelajaran Tradisional

Pembelajaran tradisional merujuk kepada kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh guru di bilik darjah, iaitu satu kaedah yang lebih berpusatkan guru dan pelajar





membuat latihan secara bersendirian tanpa melibatkan perbincangan dengan rakan sekelas (Slavin, 1995; Paul & David, 1999). Pembelajaran tradisional juga dikenali sebagai kaedah kuliah (*chalk and talk*) kerana guru mengajar fakta dan prinsip secara lisan manakala pelajar hanya mencatatkan nota (Burden & Byrd, 1994). Pelajar juga memperolehi pengalaman dan kemahiran yang terhad dalam pembelajaran mereka (Gunter, 1995). Penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah kurang atau langsung tiada. Dalam kajian ini, pembelajaran tradisional digunakan sebagai kaedah pengajaran dalam kumpulan kawalan.

1.9.4 Keberkesanan dalam P&P



Menurut Russell (1974), keberkesanan sesuatu kaedah pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada pencapaian akademik pelajar. Kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah berkesan sekiranya terdapat peningkatan dalam ujian pos berbanding dengan ujian pra yang diberikan kepada pelajar. Dalam konteks kajian ini, keberkesanan pembelajaran aktif diukur dari segi pencapaian akademik, minat, motivasi dan juga interaksi sosial pelajar dalam proses P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Pembelajaran aktif adalah berkesan sekiranya terdapat perbezaan yang signifikan min pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat selepas pengajaran antara pelajar yang mengikuti kaedah pembelajaran aktif dengan pelajar yang mengikuti pembelajaran tradisional. Selain itu, aspek minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar diukur dalam soal selidik dengan menggunakan skala Likert. Sekiranya maklum balas pelajar menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kesan kaedah pembelajaran aktif terhadap aspek-aspek tersebut, maka





pembelajaran aktif adalah berkesan untuk meningkatkan minat, motivasi dan interaksi sosial pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat berpandukan persepsi pelajar-pelajar yang terbabit.

1.9.5 Pencapaian Akademik

Menurut Wollman (1969), pencapaian akademik adalah peringkat atau tahap kejayaan pelajar dalam akademik yang diukur melalui peperiksaan ataupun ujian. Kerlinger (1986) pula mentakrifkan pencapaian akademik sebagai kemampuan seseorang pelajar memperoleh markah atau gred yang baik dalam mata pelajaran yang diambil.

Pelajar-pelajar dikehendaki menduduki suatu peperiksaan atau ujian yang seragam dan pencapaian akademik pelajar diukur berdasarkan keputusannya dalam ujian tersebut. Pencapaian akademik biasanya akan ditunjukkan dengan skor atau gred-gred yang diperolehi oleh pelajar. Selain itu, pencapaian ditakrifkan sebagai perkara yang diukur daripada peperiksaan (Syarifah Alwiah, 1986). Dalam konteks kajian ini, pencapaian akademik merujuk kepada skor atau markah yang diperolehi oleh pelajar-pelajar dalam ujian pra dan ujian pos yang diberikan. Satu Ujian Pra diberikan kepada semua responden sebelum mereka memulakan sesuatu topik pelajaran. Selepas mereka mempelajari topik pelajaran tersebut, satu ujian pos yang dikenali sebagai Ujian Pencapaian diberikan. Soalan-soalan Ujian Pra dan Ujian Pencapaian adalah sama dan dibentukkan dengan berpandukan kepada Taksonomi Bloom, iaitu pengetahuan, pemahaman, analisis, aplikasi, sintesis dan penilaian (Bloom, 1956). Perbezaan skor antara Ujian Pencapaian dan Ujian Pra digunakan untuk mengukur





sama ada terdapat peningkatan pencapaian akademik pelajar selepas suatu kaedah pembelajaran diamalkan.

1.9.6 Minat

Minat didefinisikan sebagai hubungan di antara seseorang individu dengan aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam bidang yang diceburi (Krapp, 2002; Schiefele, 2009). Ia boleh diwujudkan melalui interaksi seseorang individu dengan konteks aktiviti yang dialaminya (Mitchell, 1993; Renninger & Hidi, 2002). Minat juga boleh dicirikan melalui peningkatan perhatian, tumpuan dan kesukaan seseorang terhadap sesuatu objek atau aktiviti yang dilakukan (Hidi, 2006). Dalam konteks kajian ini, minat merujuk kepada keinginan atau kesukaan pelajar-pelajar terhadap proses P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Minat pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas adalah diukur berpandukan persepsi pelajar dengan menjawab soal selidik yang menggunakan skala Likert.

1.9.7 Motivasi

Motivasi didefinisikan sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan (Atkinson, 1958; Mook, 1986). Motivasi dalam konteks kajian ini adalah semangat yang kuat pada diri pelajar-pelajar agar mendorongnya untuk berusaha dalam proses P&P untuk mencapai kejayaan dalam





pencapaian akademik mata pelajaran Ekonomi Asas. Motivasi pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat adalah diukur berpandukan persepsi pelajar dengan menjawab soal selidik yang menggunakan skala Likert.

1.9.8 Interaksi Sosial

Menurut Hiltz (1994), interaksi sosial merupakan satu proses sosial untuk membina persefahaman antara seseorang individu dengan individu-individu lain. Beliau berpendapat bahawa manusia secara semula jadi dapat belajar melalui interaksi antara dua atau beberapa pihak. Dalam konteks kajian ini, interaksi sosial pelajar bermaksud hubungan atau perapatan pelajar sesama rakan sebaya dalam bentuk persahabatan.



Untuk mengukur interaksi sosial pelajar dalam pembelajaran aktif, maka penyelidik telah mengubahsuaikan item-item soal selidik dengan berdasarkan alat kajian yang dikenali sebagai “*Inventory of Parent and Peer Attachment*” (IPPA) (Armsden & Greenberg, 1987).

1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik telah menjelaskan latar belakang kajian, kurikulum mata pelajaran Ekonomi Asas dalam pendidikan sekolah menengah, kepentingannya dan hubungan dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Selain itu, pencapaian mata pelajaran Ekonomi Asas yang tidak memuaskan juga dibincangkan untuk menyokong permasalahan kajian ini. Antara pelbagai masalah yang dibincangkan, kajian ini





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

23

bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pembelajaran aktif dalam proses P&P mata pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan Empat. Kaedah pembelajaran aktif difokuskan dalam kajian ini selaras dengan penghasilan buku “Amalan Terbaik Pembelajaran Aktif dalam Ekonomi Asas” oleh KPM untuk menekankan proses P&P yang berpusatkan pelajar. Di samping itu, keperluan kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini juga dikemukakan dalam bab ini.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi